

## **WIRA BANK ISLAM GAGALKAN PENIPUAN**

*Selamatkan Lebih RM11 Juta pada 2023*

**KUALA LUMPUR, Khamis, [21 Mac 2024]:** Dalam menzahirkan dedikasi dan keprihatinan terhadap pelanggan, Pengurus Bank Islam Cawangan Seremban, Azizah Ahmad dan Duta Perkhidmatan Bank Islam Cawangan Wangsa Maju, Nurul Syafiqah Nasarudin, berjaya menggagalkan cubaan penipuan, sekali gus menyelamatkan pelanggan daripada mengalami kerugian kewangan yang signifikan.

Sebagaimana rutin harian di Bank Islam Cawangan Seremban, Pengurusnya, Azizah Ahmad, telah mengambil langkah proaktif melindungi salah seorang pelanggan tetapnya. Azizah telah memintas transaksi untuk menyelamatkan kerugian berjumlah RM272,000 daripada jatuh ke tangan penipu yang menyasarkan seorang pelanggan yang tidak sedar akan tindakannya itu.

Menceritakan semula insiden tersebut, Azizah berkata, "Kejadian berlaku ketika pelanggan tersebut hadir ke cawangan pada hari Jumaat untuk menandatangani surat kelulusan permohonan tawaran pembiayaan peribadi. Segala nampak normal memandangkan pelanggan tersebut mempunyai rekod yang baik dengan Bank Islam. "Namun, beberapa jam kemudian, pelanggan tersebut menghubungi cawangan untuk melaporkan satu transaksi asing dalam akaunnya yang meninggalkan baki hanya RM19. Tanpa berlembang, saya terus mengambil langkah pantas untuk menangani situasi."

Siasatan lanjut menunjukkan situasi yang membimbangkan: Pelanggan terbabit sering diganggu penipu yang menyamar sebagai pihak berkuasa yang memaksa beliau mengeluarkan wang simpanannya dengan alasan untuk membersihkan rekod buruk beliau. Tindakan segera yang diambil Azizah telah menghalang kerugian kewangan yang lebih besar dan menasihatkan pelanggan agar menghentikan sementara transaksi pembiayaan peribadinya.

Sementara itu, Duta Perkhidmatan Bank Islam Cawangan Wangsa Maju, Nurul Syafiqah Nasarudin turut berjaya membanteras cubaan menipu. Nurul Syafiqah menyedari kelakuan mencurigakan seorang pelanggan yang cuba melakukan

pindahan Dana ASNB berjumlah RM100,000 daripada akaunnya. Naluri serta pengalaman dan latihan yang diterima untuk mengenal pasti situasi sebegini terbukti betul apabila pelanggan tersebut berasa takut dan mengelak apabila disoal.

Ketika disoal, pelanggan mengakui menerima beberapa panggilan mencurigakan yang mengarah beliau membuka akaun baharu dan memindahkan dana. Nurul Syafiqah bersama Penolong Pengurus Cawangan, A Hakim A Rahman mengambil tindakan pantas membongkar penipuan melalui panggilan telefon.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Bank Islam, Mohamed Iran Moriff Mohd Shariff memuji tindakan pantas Azidah dan Nurul Syafiqah, menekankan komitmen Bank dalam melindungi pelanggan. "Bank Islam komited melindungi pelanggan daripada penipuan. Sistem dalaman dan kakitangan terlatih kami sentiasa peka dan berusaha membanteras penipuan, sama ada secara dalam talian mahupun di cawangan," ujar Mohamed Iran.

Pada tahun 2023 sahaja, Bank Islam telah berjaya menangani cubaan penipuan bernilai lebih RM11 juta, selaras dengan langkah keselamatan yang diperkenalkan Bank Negara Malaysia. Langkah-langkah ini termasuk:

- Mengukuhkan peraturan pengesanan penipuan
- Peralihan daripada kaedah penghantaran SMS Kata Laluan Sekali Sahaja (OTP) kepada kaedah pengesahan yang lebih selamat
- Pelaksanaan pengesahan dan tempoh bertenang (cooling-off) untuk perkhidmatan perbankan elektronik
- Membenarkan pendaftaran untuk satu peranti mudah alih atau peranti yang selamat
- Menyediakan saluran aduan khusus yang beroperasi sepanjang masa (24/7) demi kemudahan pelanggan.

Mohamed Iran turut menekankan kepentingan mendidik dalam membanteras penipuan: "Penipu sangat licik dalam memanipulasi dan sentiasa menukar taktik penipuan mereka. Adalah penting untuk kita memahami kesannya terhadap mangsa serta psikologi penipu." Matlamat Bank Islam untuk melindungi dan mendidik pelanggan agar peka dengan taktik penipuan yang berubah-ubah dan sentiasa berwaspada.

Komitmen teguh Bank Islam adalah keselamatan pelanggan, memanfaatkan teknologi terkini dan mempunyai pasukan yang proaktif melindungi pelanggan daripada aktiviti penipuan. Sebagai sebuah institusi kewangan Islam yang

dipercayai, Bank Islam kekal berdedikasi memastikan ketenangan minda pelanggan terpelihara.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.